



GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PEPERIKSAAN LISAN DISERTASI/TESIS

Edisi Semakan 2021

TARIKH KELULUSAN

Garis Panduan Pengendalian Peperiksaan Lisan Tesis/Disertasi Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat ke-406 bertarikh 17 Disember 2014

Pindaan

- i. Penetapan Profesor Madya Sebagai Pengerusi Peperiksaan Lisan/Disertasi (Perkara 3.2.2) Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat ke 422 Bertarikh 25 Mei 2016.
- ii. Pemantapan Beberapa Terma Dalam Lantikan Pemeriksa dan Penambahbaikan Proses Penilaian Telah Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat ke 430 bertarikh 15 Februari 2017.
- iii. Penetapan Kriteria Tesis Cemerlang (Perkara 4.2.4c) Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat Ke-436, Bertarikh 21 Ogos 2017
- iv. Pencirian tatacara kerja setelah selesai Peperiksaan Lisan.
- v. Kemaskini garis panduan dari semakan semula Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) yang telah diluluskan Mesyuarat Senat Ke-474 pada 30 Mac 2021.

BAHAGIAN I

PENDAHULUAN

1.1 Tujuan

Garis panduan ini dinamakan **Garis Panduan Pengendalian Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis**. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan pengendalian urusan peperiksaan lisan disertasi/tesis yang jelas kepada pengendali program pengajian siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Garis panduan ini hendaklah terpakai kepada setiap pelajar yang mendaftar sesuatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa garis panduan ini.

1.2 Tafsiran


Tafsiran bagi suatu perkataan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah merujuk kepada tafsiran yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021.

1.3 Proses Pengendalian Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

Peperiksaan lisan disertasi/tesis adalah peperiksaan untuk seseorang pelajar mempertahankan hasil kajian yang dilaporkan dalam disertasi/tesis di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Peperiksaan ini merupakan suatu bahagian yang paling penting dalam proses pengajian seseorang pelajar siswazah, terutamanya pelajar yang mendaftar dalam program pengajian mod campuran (kerja kursus dan penyelidikan) dan mod penyelidikan.

Proses peperiksaan lisan disertasi/tesis seseorang pelajar hendaklah dikendalikan dengan baik, teratur dan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Pengendalian peperiksaan lisan disertasi/tesis merangkumi beberapa proses kerja bermula dari pelantikan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam sehingga keputusan peperiksaan kepada pelajar.

Carta alir proses kerja ini digambarkan secara ringkas di dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Carta alir proses kerja pengendalian peperiksaan lisan disertasi/tesis

BAHAGIAN II

PENCALONAN PEMERIKSA LUAR DAN PEMERIKSA DALAM

2.1 Pengenalan

Pemeriksa Luar adalah seorang staf akademik atau pakar bidang dari luar Universiti yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seorang pelajar. Manakala Pemeriksa Dalam pula adalah seorang staf akademik Universiti yang dilantik oleh Fakulti/Institut untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan seseorang pelajar.

2.2 Pencalonan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam


Pencalonan Pemeriksa Luar boleh dilakukan bermula semester ketiga pengajian bagi pelajar Sarjana atau semester kelima bagi pelajar Kedoktoran [1].

Pihak Fakulti/Institut adalah dikehendaki untuk mencalonkan sekurang-kurangnya seorang (1) Pemeriksa Luar dan seorang (1) Pemeriksa Dalam. Walau bagaimanapun, panel pemeriksa bagi pelajar yang merupakan pensyarah/pensyarah pelatih UKM dan penerima Biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)/Biasiswa Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) daripada UKM yang melanjutkan pengajian di UKM ialah minimum dua (2) orang Pemeriksa Luar dan seorang (1) Pemeriksa Dalam.

Pihak Fakulti/Institut dikehendaki mendapatkan abstrak Disertasi/tesis yang telah disahkan oleh penyelia daripada pelajar untuk tujuan mengenal pasti bidang penyelidikan yang bersesuaian dengan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam yang hendak dilantik. Pihak Fakulti/Institut juga dikehendaki mematuhi Syarat Pelantikan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam yang telah ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021 (Lampiran A) dan tidak mempunyai konflik kepentingan dengan penyelia dan pelajar. Konflik kepentingan boleh timbul dari segi hubungan kekeluargaan, ahli keluarga terdekat, hubungan romantik, rakan, isu peribadi, kedudukan/jawatan atau mempunyai kepentingan kewangan.

Dalam perkara ini, mana-mana kakitangan UKM tidak boleh memaklumkan atau memberitahu nama Pemeriksa Luar dan Dalam kepada pelajar.

Carta alir proses pencalonan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam ditunjukkan dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1 Carta alir proses pencalonan Pemeriksa Luar dan Dalam

BAHAGIAN III

PERSIAPAN PEPERIKSAAN LISAN DISERTASI/TESIS

3.1 Pengenalan

Proses kerja persiapan peperiksaan lisan disertasi/tesis bermula dari penerimaan ‘Notis Serah Disertasi/Tesis’ pelajar sehingga penyediaan keperluan asas untuk peperiksaan lisan. Proses kerja ini perlu dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mencapai Objektif Kualiti SPK MS ISO 9001:2008 PPPS.

3.2 Persiapan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

3.2.1 Pemeriksaan Tesis oleh Pemeriksa Luar/Dalam

Pelajar yang ingin menjalani peperiksaan lisan disertasi/tesis dikehendaki memberikan ‘Notis Serah Tesis’ sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum menyerahkan disertasi/tesis untuk tujuan pemeriksaan. Pihak Fakulti/Institut hendaklah merekodkan tarikh pelajar menghantar notis di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) pada hari yang sama notis dihantar. Selepas itu, pihak Fakulti/Institut akan membuat semakan mengenai status pencalonan Pemeriksa Tesis, kursus prasyarat, syarat penerbitan*, syarat kursus Bahasa Melayu (bagi pelajar antarabangsa), dan lain-lain perkara berkaitan pengajian pelajar. Sekiranya terdapat perkara yang masih belum diambil tindakan, pihak Fakulti/Institut akan memaklumkan kepada penyelia/pelajar untuk mengambil tindakan segera.

*Pelajar diberi kelonggaran untuk menjalani Peperiksaan Lisan tanpa memenuhi syarat penerbitan tertakluk bahawa penerbitan tersebut memenuhi kriteria penerbitan yang telah ditetapkan dan telah dihantar untuk penilaian. Pelajar adalah tertakluk di bawah Peraturan 14A(5)-(7) dan hendaklah melengkapkan syarat penerbitan sebelum layak dianugerahkan ijazah.


Selepas tiga (3) bulan, pelajar akan menyerahkan disertasi/tesis dan Borang Pengesahan Bebas Plagiat yang disahkan oleh Penyelia untuk tujuan pemeriksaan kepada pihak Fakulti/Institut. Pemeriksaan tahap plagiat disertasi/tesis pelajar menggunakan perisian semak plagiat hanya diterima yang dilakukan dan disahkan oleh pihak Fakulti/Institut. Pihak Fakulti/Institut akan merekodkan tarikh disertasi/tesis diserah dan mengaktifkan caj yuran pemeriksaan disertasi/tesis pelajar di dalam SMP pada hari yang sama pelajar menyerahkan disertasi/tesis.

Seterusnya pihak Fakulti/Institut akan mengedarkan disertasi/tesis tersebut kepada Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam, tidak lewat tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pelajar menyerahkan disertasi/tesis. Di dalam surat tersebut, perlu dinyatakan tempoh maksimum yang diberikan kepada Pemeriksa untuk menilai disertasi/tesis dan mengemukakan laporan pemeriksaan iaitu selama enam (6) minggu. Pihak Fakulti/Institut juga perlu menyatakan cadangan tarikh-tarikh peperiksaan lisan pelajar akan diadakan kepada Pemeriksa Luar, Pemeriksa Dalam dan Penyelia, sebaiknya dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh akhir laporan pemeriksaan disertasi/tesis perlu dihantar oleh Pemeriksa.

Selepas disertasi/tesis dihantar kepada Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam untuk tujuan pemeriksaan, pihak Fakulti/Institut dikehendaki untuk sentiasa membuat pemantauan bagi

memastikan laporan pemeriksaan disertasi/tesis diterima dalam tempoh yang ditetapkan. Fakulti/Institut dinasihatkan untuk menghantar peringatan seminggu sebelum tarikh akhir yang diberikan kepada Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam, seperti yang tertera di dalam surat penyerahan semakan tesis. Sekiranya Pemeriksa Luar/Dalam masih tidak menyerahkan laporan pemeriksaan disertasi/tesis dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Fakulti/Institut dikehendaki memberikan peringatan secara bertulis supaya laporan segera dihantar.

Carta alir proses kerja persiapan peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar siswazah ditunjukkan dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1 Carta alir proses kerja persiapan peperiksaan lisan disertasi/tesis

3.2.2 Menubuhkan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

Jawatankuasa Peperiksaan Lisan bermaksud suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menilai, menimbang dan memperakarkan keputusan pemeriksaan disertasi/tesis dan peperiksaan lisan pelajar. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh:

- a) Seorang Pengerusi yang terdiri daripada:
 - (i) Seorang Profesor; atau
 - (ii) Profesor Madya Universiti;
- b) Dekan/Pengarah atau wakilnya (jika perlu);
- c) Pemeriksa Dalam;
- d) Pemeriksa Luar; (jika berkenaan)

Profesor Madya yang dilantik sebagai Pengerusi Peperiksaan Lisan/Disertasi perlu memenuhi syarat [2] berikut:

- a) pernah menyelia sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar kedoktoran dengan jayanya; dan
- b) pernah dilantik sebagai Pemeriksa Luar oleh universiti lain, selain dari UKM.

Dekan/Pengarah atau wakilnya hendaklah menjadi ahli dalam Jawatankuasa Peperiksaan Lisan jika laporan pemeriksaan tesis pelajar diberikan status "Lemah" atau jika salah seorang pemeriksa tidak hadir.

Pihak Fakulti/Institut boleh melantik seorang pembantu pengerusi yang bertanggungjawab untuk mencatat hasil perbincangan dan pindaan yang perlu dibuat oleh pelajar. Pembantu pengerusi tidak termasuk sebagai ahli jawatankuasa dan hanya boleh turut hadir sebagai pencatat. Pembantu pengerusi perlu dilantik daripada kalangan pensyarah muda Fakulti/Institut.

Pihak Fakulti/Institut adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua ahli Jawatankuasa sedar akan peranan khusus mereka tanpa konflik kepentingan peribadi. Peranan/tugas setiap ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis adalah seperti berikut:

- a) Pengerusi – Sebagai moderator untuk memastikan satu keputusan terbaik dan tepat dapat dicapai sekiranya berlaku percanggahan keputusan/pendapat tanpa mempengaruhi keputusan panel pemeriksa. Sekiranya Pembantu Pengerusi tidak dilantik, maka Pengerusi perlu mencatatkan hasil perbincangan dan pindaan yang perlu dibuat oleh pelajar. Pengerusi merupakan seorang ahli boleh mengundi.
- b) Dekan/Pengarah atau wakil – Sebagai wakil Fakulti/Institut yang akan memperakarkan keputusan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam. Perlu bersikap

adil, telus, saksama dan berintegriti di samping tidak mengganggu kelancaran proses peperiksaan lisan pelajar. Dekan/Pengarah atau wakil merupakan seorang ahli boleh mengundi.

- c) Pemeriksa Dalam – Menilai, memeriksa dan menguji pelajar terhadap tesis dan pembentangan lisan yang diberikan berkaitan projek penyelidikan pelajar.
- d) Pemeriksa Luar (jika berkenaan) – Menilai, memeriksa dan menguji pelajar terhadap tesis dan pembentangan lisan yang diberikan berkaitan projek penyelidikan pelajar.

Penyelia seseorang pelajar tidak termasuk sebagai ahli jawatankuasa dan hanya boleh turut hadir sebagai pemerhati dalam sesi peperiksaan lisan pelajarnya. Penyelia adalah digalakkan untuk hadir ke peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajarnya. Antara peranan Penyelia ialah mencatat/mengambil perhatian terhadap komen/cadangan Pemeriksa Luar/Dalam dan seterusnya memastikan pelajar seliaannya membuat pembetulan/penambahbaikan seperti yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Penyelia tidak dibenarkan bersuara atau memberikan pandangan kecuali jika diminta berbuat demikian oleh jawatankuasa.

3.2.3 Penjadualan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

Apabila laporan pemeriksaan disertasi/tesis telah diterima, pihak Fakulti/Institut dikehendaki untuk menjadualkan peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar dengan kadar segera. Peperiksaan lisan perlu diadakan dalam tempoh sebulan selepas laporan peperiksaan disertasi/tesis diterima [3]. Fakulti/Institut perlu memastikan tempoh maksimum pemeriksaan disertasi/tesis pelajar siswazah selama tiga (3) bulan sentiasa dipatuhi [4].

Setelah penetapan penjadualan peperiksaan lisan disertasi/tesis dilakukan, pihak Fakulti/Institut perlu memberikan pemakluman secara bertulis kepada ahli Jawatankuasa dan pelajar selewat-lewatnya satu (1) minggu dari tarikh peperiksaan yang telah ditetapkan. Sebagai peringatan penting, laporan Pemeriksa Luar/Dalam tidak boleh diedarkan awal bersama-sama surat panggilan mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

Keputusan dan laporan Pemeriksa Luar/Dalam adalah dokumen RAHSIA dan berstatus SULIT. Sehubungan dengan itu, ianya tidak boleh didedahkan kepada pelajar maupun Penyelia sebelum peperiksaan lisan dijalankan. Ini kerana terdapat beberapa perkara yang mungkin akan diajukan oleh Pemeriksa Luar/Dalam kepada pelajar semasa sesi soal jawab peperiksaan lisan. Pelajar juga tidak boleh membincangkan kandungan tertentu peperiksaan lisan dengan mana-mana ahli Jawatankuasa terlebih dahulu sebelum peperiksaan lisan dijalankan.

Sekiranya peperiksaan lisan disertasi/tesis yang telah dijadualkan terpaksa ditangguh pada saat-saat akhir atas faktor yang tidak diduga, pihak Fakulti/Institut hendaklah membuat pemakluman dengan serta-merta melalui telefon dan diikuti dengan surat-menjurat berserta perincian tarikh baharu peperiksaan lisan akan dijalankan.

3.2.4 Persiapan Keperluan Asas Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

Akhir sekali, pihak Fakulti/Institut perlu menyediakan keperluan asas peperiksaan lisan seperti bilik mesyuarat, peralatan ICT dan jamuan. Pihak Fakulti/Institut juga perlu menghubungi ahli Jawatankuasa untuk mengesahkan kehadiran mereka di samping menempah tiket penerbangan dan penginapan Pemeriksa Luar (jika berkenaan). Peperiksaan Lisan juga boleh diadakan secara telesidang sekiranya dipersetujui oleh Pemeriksa Luar dan sekiranya berlaku keadaan yang menghalang peperiksaan lisan secara bersemuka dijalankan. Jawatankuasa perlu memastikan keperluan telesidang disediakan agar Peperiksaan Lisan berjalan lancar.

3.3 Persiapan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis Ulangan

Pelajar yang diberikan keputusan menangguh keputusan untuk pemeriksaan semula perlu melengkapkan Borang Pemeriksaan Semula Tesis untuk dikemukakan kepada Bendahari UKM dan satu Salinan diserahkan kepada Fakulti/Institut sebagai rekod. Pelajar yang dikehendaki menjalani Peperiksaan Lisan Ulangan harus mendaftar dan membayar yuran Peperiksaan Lisan Ulangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti. Urus setia Siswazah Fakulti/Institut perlu memastikan pelajar berkenaan melengkapkan Borang Pembayaran Yuran Pemeriksaan Semula Tesis UKM/PPPS/C/P05/AK06/05 sebelum dimajukan kepada Bendahari Universiti.

Fakulti/Institut perlu menetapkan tarikh penghantaran semula disertasi/tesis pembetulan pelajar pada bulan ke 9 tempoh pembetulan tetapi tidak melebihi tempoh 12 bulan. Walaubagaimanapun, jika pelajar ingin mengemukakan disertasi/tesis pembetulannya lebih awal atau sebelum tempoh 9 bulan, pelajar perlu mengemukakan permohonan tersebut kepada Fakulti/Institut. Permohonan itu mestilah disokong oleh penyelia dengan justifikasi yang jelas kerana pelajar yang menjalani pemeriksaan semula perlu melakukan pembetulan major/besar seperti yang diminta oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

Bagi pelajar yang memerlukan tambahan masa selepas tempoh pembetulan 12 bulan, hendaklah mengemukakan permohonan seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 37(6) Keputusan Peperiksaan Lisan, Peraturan-peraturan Pengajian Siswazah tahun 2021.

Disertasi/tesis pembetulan yang diterima hendaklah dikemukakan semula kepada pemeriksa luar & pemeriksa dalam sebelum pembentangan semula diaturkan. Urus setia Fakulti/Institut mengulangi semula persediaan peperiksaan lisan seperti yang digariskan dalam subseksyen 3.2.

3.4 Penangguhan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

Penangguhan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis boleh dilakukan bagi situasi berikut:

1. Pelajar tidak dapat menghadiri Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis kerana sakit.
2. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan mendapati disertasi/tesis yang dikemukakan oleh Pelajar mempunyai isu plagiarisme.
3. Mana-mana situasi yang dirasakan munasabah oleh Urus setia Fakulti/Institut.

Bagi situasi pelajar tidak dapat menghadiri Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis kerana sakit, pelajar atau waris pelajar hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Urus setia Fakulti/Institut beserta bukti surat dari doktor. Bagi senario yang telah disahkan, Urus setia Fakulti/Institut perlu menjadualkan semula tarikh Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis mengikut saranan doktor.

Bagi situasi di mana disertasi/tesis pelajar didapati mempunyai isu plagiarisme seperti digariskan di Bahagian VI, penangguhan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis diputuskan oleh Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah. Pelajar hendaklah dimaklumkan secara bertulis beserta bukti plagiarisme kepada Pelajar. Penjadualan semula tarikh Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis adalah bergantung kepada pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Tatatertib dan Pengendalian Kes Plagiarisme.

Bagi situasi perkara 3, Urus setia Fakulti/Institut perlu memaklumkan secara bertulis penangguhan kepada Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis yang telah dilantik. Urus setia Fakulti/Institut perlu menjadualkan semula tarikh Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis mengikut persetujuan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis.

Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan Penangguhan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis selewat-lewatnya sehari sebelum tarikh Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN IV

PENGENDALIAN PEPERIKSAAN LISAN DISERTASI/TESIS

4.1 Panduan Umum kepada Pelajar

Panduan ini terpakai kepada peperiksaan lisan disertasi/tesis yang dijalankan samada secara bersemuka atau telesidang.

Peperiksaan lisan disertasi/tesis terbahagi kepada dua (2) bahagian:

Bahagian pertama - pelajar dikehendaki memberikan ringkasan penyelidikan yang dijalankan, keputusan yang diperoleh, kesimpulan, dan sumbangan kepada bidang ilmu penyelidikan tersebut.

Bahagian kedua - sesi soal jawab oleh Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam.

Pembentangan lisan pelajar hendaklah tidak melebihi 20 minit. Pelajar dinasihatkan untuk mengatur dan membuat latihan supaya pembentangan lisan yang disampaikan adalah jelas dan mematuhi tempoh yang ditetapkan. Keutamaan pembentangan hendaklah diberikan kepada hasil kajian yang diperoleh dan sumbangan kepada bidang ilmu berkaitan. Oleh itu, pembentangan berkenaan kajian kepustakaan dan sejarah untuk menjelaskan mengapa kajian tersebut dijalankan perlu diminimumkan.

Dalam sesi soal jawab, soalan dan komen Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam adalah berdasarkan kepada disertasi/tesis dan pembentangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, pelajar masih perlu memahami perkara-perkara lain berkaitan bidang penyelidikan yang mana akan turut diuji oleh pemeriksa. Soalan yang diaju oleh pemeriksa hendaklah dijawab dengan ringkas dan jelas, melainkan jika terdapat permintaan untuk menghuraikan jawapan yang diberi.

Selaras dengan Peraturan 55(3) Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021, pelajar adalah dilarang untuk menghubungi atau mengacau ganggu atau mengancam Pemeriksa Luar/Dalam berhubung dengan penilaian disertasi/tesisnya. Pelajar yang ingkar terhadap perkara ini boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti yang mana boleh mengakibatkan pelajar diberhentikan daripada pengajian. Pelajar hanya akan menerima laporan Pemeriksa selepas peperiksaan lisan selesai dijalankan.

4.2 Tugas dan Tanggungjawab Pengerusi Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

Pengerusi adalah dipilih dalam kalangan Profesor atau Profesor Madya Universiti seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 41(1) Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021.

Tanggungjawab utama Pengerusi adalah sebagai moderator untuk mengendalikan peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar siswazah tanpa mempengaruhi keputusan panel pemeriksa bagi memastikan satu keputusan terbaik, tepat dan adil dapat dicapai. Pengerusi perlu memastikan bahawa sesi soal jawab, perbincangan, pertukaran pendapat dan sebagainya dijalankan dalam suasana yang produktif, harmoni dan saling menghormati.

Bertugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Lisan merupakan suatu tugas akademik yang memberikan pengalaman yang sangat bermakna. Sehubungan itu, seseorang Profesor atau Profesor Madya yang dilantik hendaklah memberikan kerjasama yang baik terhadap permintaan Fakulti/Institut untuk mempermudah suatu peperiksaan lisan disertasi/tesis.

Pengerusi akan mengendalikan peperiksaan lisan yang terbahagi kepada empat (4) peringkat seperti berikut:

- a) Sesi Perbincangan Tertutup;
- b) Sesi Pembentangan Terbuka atau Sesi Pembentangan Terbuka bersama pihak luar;
- c) Sesi Membuat Keputusan; dan
- d) Sesi Pengumuman Keputusan.

4.3 Sesi Peperiksaan Lisan


4.3.1 Sesi Perbincangan Tertutup

Sesi Perbincangan Tertutup adalah suatu sesi yang wajib dilakukan sebelum peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar dimulakan. Terlebih dahulu, Pengerusi dengan bantuan urus setia akan meminta Pemeriksa Dalam dan/atau Pemeriksa Luar, Dekan/Pengarah atau wakil, untuk masuk ke dalam bilik peperiksaan lisan. Pada ketika ini, pelajar dikehendaki menunggu di luar bilik peperiksaan lisan sehingga dipanggil untuk Sesi Pembentangan Terbuka tetapi Penyelia dibenarkan masuk untuk memberikan sedikit latar belakang diri dan penyelidikan pelajar seliaannya.

Pengerusi akan memulakan sesi dengan memperkenalkan diri dan ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Seterusnya Pengerusi akan meminta Penyelia untuk memberikan sedikit latar belakang diri dan penyelidikan pelajar seliaannya. Seterusnya, Pengerusi dengan bantuan urus setia akan meminta Penyelia untuk meninggalkan bilik peperiksaan lisan bagi memberi laluan kepada ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan membuat perbincangan awal.

Pengerusi akan meminta Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam untuk memberikan ringkasan berkaitan disertasi/tesis pelajar serta keputusan awal yang diberi berdasarkan disertasi/tesis yang telah dibaca dan diperiksa sebelum peperiksaan lisan bermula. Pengerusi juga akan memaklumkan Pemeriksa Luar/Dalam untuk bertanyakan soalan kepada pelajar semasa sesi pembentangan terbuka berjalan. Sekiranya salah seorang daripada Pemeriksa Luar/Dalam tidak hadir, Pengerusi akan meminta Dekan/Pengarah atau wakil, untuk bertanyakan soalan bagi pihak Pemeriksa Luar/Dalam yang tidak hadir (berdasarkan laporan pemeriksaan disertasi/tesis yang telah diserahkan).

Carta alir proses kerja Sesi Perbincangan Tertutup ditunjukkan dalam Rajah 4.1.



Rajah 4.1 Carta alir proses kerja Sesи Perbincangan Tertutup

4.3.2 Sesi Pembentangan Terbuka


Pengerusi dengan bantuan urus setia akan meminta Penyelia dan pelajar untuk masuk ke dalam bilik peperiksaan lisan. Setelah Penyelia dan pelajar mengambil tempat, Pengerusi akan memperkenalkan ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan, seterusnya menyatakan tujuan mesyuarat diadakan. Begitu juga dengan pelajar, turut diberikan ruang untuk memberikan sepatah dua kata berkenaan pengajian dan penyelidikannya sebelum peperiksaan lisan dimulakan.

Pengerusi akan menerangkan perjalanan dan tempoh masa peperiksaan lisan kepada pelajar dan ahli Jawatankuasa. Tempoh masa yang diberikan kepada pelajar untuk pembentangan lisan adalah selama 20 minit manakala tempoh masa yang diberikan kepada ahli Jawatankuasa untuk sesi soal jawab adalah antara 60 hingga 90 minit. Penyelia akan diingatkan agar tidak membantu pelajar, sama ada dengan menjawab soalan, membuat ulasan atau turut bertanya soalan, kecuali jika diminta oleh Jawatankuasa.

Pengerusi hendaklah memastikan suasana peperiksaan lisan berjalan lancar dalam suasana harmoni. Pengerusi juga perlu memastikan setiap ahli Jawatankuasa berpeluang untuk mengemukakan soalan kepada pelajar, di mana hanya soalan-soalan yang relevan sahaja dikemukakan.

Setelah sesi pembentangan terbuka tamat, Pengerusi dengan bantuan urus setia akan meminta Penyelia dan pelajar untuk meninggalkan bilik peperiksaan lisan bagi memberi laluan kepada Ahli Jawatankuasa berbincang dan membuat keputusan. Penyelia dan pelajar akan dipanggil semula oleh urus setia untuk dimaklumkan keputusan.

Carta alir proses kerja Sesi Pembentangan Terbuka ditunjukkan dalam Rajah 4.2.



Rajah 4.2 Carta alir proses kerja Sesi Pembentangan Terbuka

4.3.3 Sesi Pembentangan Terbuka bersama Pihak Luar


Sesi Pembentangan Terbuka bersama Pihak Luar adalah sesi yang turut sama dihadiri oleh pihak luar yang telah dikenal pasti dan dijemput oleh pihak Fakulti/Institut selain daripada ahli Jawatankuasa yang ditetapkan dalam perkara 3.2.2. Pihak luar boleh didefinisikan sebagai dari industri, rakan penyelidikan, pemberi dana dan mana-mana entiti yang mempunyai kaitan dengan bidang penyelidikan pelajar.

Pengerusi akan memperkenalkan ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan, seterusnya menyatakan tujuan mesyuarat diadakan. Begitu juga dengan pelajar, turut diberikan ruang untuk memberikan sepatah dua kata berkenaan pengajian dan penyelidikannya sebelum peperiksaan lisan dimulakan. Pengerusi juga akan menerangkan perjalanan dan tempoh masa Peperiksaan Lisan kepada pelajar, Ahli Jawatankuasa dan pihak luar yang dijemput.

Sesi dimulakan dengan Pembentangan lisan oleh pelajar. Setelah selesai sesi pembentangan oleh pelajar, sesi soal jawab dimulakan. Pengerusi boleh meminta pihak luar bertanya soalan sekiranya ada. Soalan yang dikemukakan oleh pihak luar tidak akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Tempoh masa yang diberikan kepada ahli Jawatankuasa untuk sesi soal jawab adalah antara 60 hingga 90 minit. Penyelia akan diingatkan agar tidak membantu pelajar, sama ada dengan menjawab soalan, membuat ulasan atau turut bertanya soalan, kecuali jika diminta oleh Jawatankuasa.

Setelah selesai sesi soal jawab bersama pemeriksa, Pengerusi dengan bantuan urus setia akan meminta Penyelia dan pelajar, dan pihak luar sekiranya ada, untuk meninggalkan bilik peperiksaan lisan bagi memberi laluan kepada Ahli Jawatankuasa berbincang dan membuat keputusan. Penyelia dan pelajar dan pihak luar sekiranya ada, akan dipanggil semula oleh urus setia untuk dimaklumkan keputusan.

Carta alir proses kerja Sesi Pembentangan Terbuka bersama pihak luar ditunjukkan dalam Rajah 4.3. Walau bagaimanapun, Fakulti/Institut boleh memilih kaedah pelaksanaan Sesi Pembentangan Terbuka bersama pihak luar mengikut kesesuaian.



Rajah 4.3

Carta alir proses kerja Sesi Pembentangan Terbuka bersama pihak luar

4.3.4 Sesi Membuat Keputusan

Selepas selesai Sesi Pembentangan Terbuka, Pengerusi akan membincangkan keputusan akhir peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar bersama Ahli Jawatankuasa tanpa kehadiran Penyelia dan pelajar. Jawatankuasa dikehendaki membuat keputusan berasaskan tiga (3) perkara seperti berikut:

- (a) Keputusan peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar;
- (b) Pencapaian hasil pembelajaran pelajar mengikut tahap kelayakan berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia;
- (c) Tahap disertasi/tesis pelajar.

a) Keputusan peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar

Terlebih dahulu, Pemeriksa Luar/Dalam perlu memutuskan sama ada pelajar lulus atau tidak. Dalam menentukan perkara ini, Pemeriksa Luar/Dalam perlu mempertimbangkan disertasi/tesis, laporan pemeriksaan disertasi/tesis, dan prestasi pelajar semasa peperiksaan lisan disertasi/tesis. Pemeriksa Luar/Dalam boleh sama ada kekal dengan keputusan awal yang telah diberikan atau membuat perubahan kepada suatu keputusan yang lain. Sekiranya Pemeriksa Luar/Dalam ingin mengubah keputusan akhir pelajar kepada suatu keputusan yang lebih rendah, perkara ini perlulah mendapat persetujuan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan berkenaan.

Adalah sangat penting untuk Pemeriksa Luar/Dalam mencapai kata sepakat mengenai keputusan peperiksaan lisan pelajar, tidak kira sama ada keputusan pelajar lulus atau gagal. Sekiranya keputusan muktamad tidak dapat dicapai, Pengerusi dan ahli Jawatankuasa yang lain akan melakukan pengundian bagi mencapai keputusan muktamad.

Pelajar boleh diberikan taraf lulus walaupun terdapat perubahan atau pembetulan yang perlu dilakukan kepada disertasi/tesis. Apabila Jawatankuasa memutuskan pelajar lulus tetapi tertakluk kepada pembetulan, Pengerusi dan Jawatankuasa perlu menetapkan individu yang akan bertanggungjawab untuk memastikan pelajar melakukan pembetulan seperti yang dicadangkan dan tempoh masa yang diberikan untuk pelajar melakukan pembetulan. Panduan perakuan, tempoh pembetulan, dan pihak yang bertanggungjawab untuk menyemak dan memperakuan pembetulan yang telah dibuat oleh pelajar ditunjukkan dalam Jadual 4.1 bagi peperiksaan lisan pertama kali dan Jadual 4.2 bagi peperiksaan lisan ulangan.

Jadual Panduan perakuan, tempoh pembetulan, dan pihak bertanggungjawab menyemak serta memperakukan pembetulan yang telah dibuat oleh pelajar (**peperiksaan lisan kali pertama**)

| Perakuan | Garis Panduan Perakuan | Tempoh Pembetulan (TP) | Semakan/ Perakuan |
|---|---|---------------------------------------|---|
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah | <ul style="list-style-type: none"> Tiada pembetulan/masalah dan hanya memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual/rajah, tatabahasa dan ejaan. | TP ≤ 1 Bulan | Semakan dan perakuan Penyelia sahaja |
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan minor (kategori 1) | <ul style="list-style-type: none"> Memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual/rajah, tatabahasa dan ejaan. Memerlukan hanya sedikit maklumat tambahan. Hanya memerlukan penjelasan berhubung beberapa bahagian kecil dalam teks. Tidak memerlukan ujikaji tambahan, pengumpulan data baharu, atau penulisan semula yang banyak. | 1 Bulan < TP ≤ 3 Bulan | Semakan Penyelia dan perakuan Pemeriksa Dalam |
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan minor (kategori 2) | <ul style="list-style-type: none"> Memerlukan olahan semula teks, jadual/ rajah, tatabahasa dan kerja editorial. Memerlukan maklumat tambahan dan penulisan semula bahagian yang banyak dalam disertasi/tesis. Tidak memerlukan ujikaji tambahan, pengumpulan data baharu tetapi memerlukan analisis semula data sedia ada. | 3 Bulan < TP ≤ 6 Bulan | Semakan Penyelia dan perakuan Pemeriksa Dalam |
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan major | <ul style="list-style-type: none"> Memerlukan ujikaji tambahan, pengumpulan data baharu, dan penulisan semula yang banyak. Memerlukan pembetulan dan semakan editorial yang banyak. Perubahan penulisan tidak membawa banyak perubahan besar pada maksud kesimpulan. | 6 Bulan < TP ≤ 11 Bulan | Semakan Penyelia dan perakuan Pemeriksa Dalam dan/atau Pemeriksa Luar |

| | | | |
|---|--|----------|--|
| Menangguhkan keputusan untuk Pemeriksaan Semula | <ul style="list-style-type: none">• Mempunyai kelemahan yang besar dan mempunyai kesan ke atas kesimpulan dalam tesis.• Mempunyai kelemahan yang hanya boleh dibaiki jika kerja-kerja tambahan dibuat bagi menambah baik tesis untuk pemeriksaan semula.• Memerlukan kerja eksperimen tambahan, analisis statistik tambahan, penulisan semula banyak bahagian dalam tesis dan perkembangan tinjauan bacaan. | 12 Bulan | Peperiksaan semula dan diperakukan oleh Jawatankuasa |
| Gagal dan tidak layak dianugerahkan ijazah | <ul style="list-style-type: none">• Mempunyai kelemahan yang ketara sehingga kerja-kerja tambahan atau pembetulan tidak dapat meningkatkan tahap tesis kepada piawaian yang ditetapkan; atau• Mempunyai kelemahan yang tidak dapat diperbaiki seperti metodologi penyelidikan yang tersasar; atau• Mempunyai data kajian yang tidak mencukupi; atau• Mengandungi fakta yang salah; atau• Melakukan pemalsuan data atau salah laku penyelidikan; atau• Mempunyai kerja atau teks yang diplagiat. | - | - |

Jadual 4.2 Panduan perakuan, tempoh pembetulan, dan pihak bertanggungjawab menyemak serta memperakuan pembetulan yang telah dibuat oleh pelajar (**peperiksaan lisan ulangan**)

| Perakuan | Garis Panduan Perakuan | Tempoh Pembetulan (TP) | Semakan/Perakuan |
|--|---|-------------------------------|---|
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah | <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pembetulan/masalah dan hanya memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual/rajah, tatabahasa dan ejaan. | TP ≤ 1 Bulan | Semakan dan perakuan Penyelia sahaja |
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan minor | <ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan sedikit suntingan teks, format jadual/rajah, tatabahasa dan ejaan. • Memerlukan hanya sedikit maklumat tambahan. • Hanya memerlukan penjelasan berhubung beberapa bahagian kecil dalam teks. • Tidak memerlukan ujikaji tambahan, pengumpulan data baru, atau penulisan semula yang banyak. | 1 Bulan < TP ≤ 3 Bulan | Semakan Penyelia dan perakuan Pemeriksa Dalam |
| Gagal dan tidak layak dianugerahkan ijazah | <ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan ujikaji tambahan, pengumpulan data baharu, atau penulisan semula yang banyak. | - | - |

Bagi pelajar yang melalui Peperiksaan Lisan Ulangan diberi tempoh maksimum pembetulan tiga (3) bulan SAHAJA dan dikehendaki menyerahkan disertasi/tesis yang telah diperbaiki untuk tujuan pengesahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan.

b) Pencapaian hasil pembelajaran pelajar

Setelah keputusan peperiksaan lisan disertasi/tesis pelajar diputuskan, Jawatankuasa dikehendaki untuk menilai pencapaian hasil pembelajaran pelajar mengikut tahap kelayakan berdasarkan Standard Program Pengajian Siswazah Secara Penyelidikan, MQA. Pelajar seharusnya perlu mencapai sekurang-kurangnya tahap “Memuaskan” bagi setiap kriteria hasil pembelajaran untuk layak dianugerahkan ijazah Sarjana/Kedoktoran. Contoh hasil pembelajaran bagi tahap Sarjana adalah seperti Jadual 4.3, manakala contoh hasil pembelajaran bagi tahap Kedoktoran pula adalah seperti Jadual 4.4. Walau bagaimanapun pihak Fakulti/Institut boleh menyesuaikan hasil pembelajaran ini mengikut keperluan Fakulti/Institut masing-masing.

Jadual 4.3 Contoh hasil pembelajaran bagi tahap Sarjana

| Hasil Pembelajaran | Pencapaian (Tandakan ✓) | | |
|--|------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | Memuaskan | Baik | Cemerlang |
| Pada akhir program ini, pelajar berkebolehan: | | | |
| 1. Menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang berkaitan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. Mengaplikasikan pengetahuan secara amali di bidang yang berkaitan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Mengaitkan idea untuk isu-isu kemasyarakatan dalam bidang berkaitan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Menjalankan penyelidikan dengan penyeliaan yang minimum dan mematuhi kod amalan yang sah, beretika dan profesional. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. Menunjukkan kualiti dalam kepimpinan melalui cara berkomunikasi dan cara bekerja yang lebih berkesan dengan rakan sekerja dan pihak berkepentingan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6. Memberikan penyelesaian terhadap masalah dengan menggunakan kemahiran saintifik dan pemikiran secara kritikal. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7. Menguruskan maklumat untuk tujuan pembelajaran sepanjang hayat. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

Jadual 4.4 Contoh hasil pembelajaran bagi tahap Kedoktoran

| Hasil Pembelajaran | Pencapaian (Tandakan ✓) | | |
|--|------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | Memuaskan | Baik | Cemerlang |
| Pada akhir program ini, pelajar berkebolehan: | | | |
| 1. Mensintesiskan pengetahuan dan menyumbang kepada penyelidikan asal dan mampu meluaskan sempadan ilmu dalam bidang berkaitan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. Menyesuaikan kemahiran praktikal yang ada dengan menghasilkan idea-idea yang inovatif dalam bidang berkaitan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Memberikan 'nasihat pakar' kepada masyarakat dalam bidang yang berkaitan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Menjalankan penyelidikan secara bebas dengan mematuhi peraturan, etika dan kod amalan profesional. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. Menunjukkan kualiti kepimpinan melalui cara berkomunikasi dan cara bekerja yang lebih berkesan dengan rakan sekerja dan pihak berkepentingan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6. Menilai masalah dalam bidang berkaitan secara kritis dengan menggunakan kemahiran saintifik. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7. Menguruskan maklumat untuk tujuan pembelajaran sepanjang hayat. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

c) Tahap Disertasi/Tesis Pelajar

Akhir sekali, Jawatankuasa perlu menilai tahap disertasi/tesis pelajar, sama ada bertaraf Cemerlang atau tidak. Keputusan untuk memberikan status Cemerlang adalah keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan, selepas peperiksaan lisan dijalankan. Disertasi/Tesis bertaraf Cemerlang hanya layak dipertimbangkan kepada pelajar yang memenuhi semua kriteria [5] berikut:

- (i) Mendapat laporan daripada kedua-dua Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam yang memperakarkan bahawa disertasi/tesis berkenaan mencapai tahap Cemerlang;
- (ii) Memenuhi syarat penerbitan minimum yang ditetapkan oleh program yang berkenaan;
- (iii) Pelajar perlu menyiap dan menyerahkan disertasi/tesis dalam tempoh berikut :
 - Kedoktoran – 8 semester bagi pelajar sepenuh masa, 10 semester bagi pelajar separuh masa;
 - Sarjana (mod penyelidikan) – 6 semester bagi pelajar sepenuh masa, 8 semester bagi pelajar separuh masa;
- (iv) Pelajar dapat membentangkan hasil kajian dengan baik semasa peperiksaan lisan dijalankan.

4.3.5 Sesi Pengumuman Keputusan

Sebelum pengumuman keputusan peperiksaan lisan disertasi/tesis dilakukan, Pengerusi perlu mencatatkan keputusan pelajar pada borang Perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa Siswazah dan Peperiksaan Lisan (UKM/PPPS/C/P05/AK08/08). Seterusnya Pengerusi perlu menandatangani borang tersebut bersama-sama ahli Jawatankuasa yang lain.


Pengerusi dengan bantuan urus setia akan memanggil Penyelia dan pelajar untuk masuk semula ke dalam bilik peperiksaan lisan disertasi/tesis untuk tujuan pengumuman keputusan. Setelah Penyelia dan pelajar mengambil tempat, Pengerusi akan memaklumkan keputusan peperiksaan lisan disertasi/tesis kepada pelajar termasuk tempoh pembetulan diberikan (jika berkenaan) dan individu bertanggungjawab menyemak pembetulan dilakukan (jika berkenaan).

Komen/soalan yang dikemukakan ketika sesi peperiksaan lisan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan dicatit oleh Pengerusi dan wakil Dekan/Pengarah, mana yang berkenaan, dimasukkan sekali di dalam senarai pembetulan. Senarai pembetulan mestilah dipersetujui oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan sebelum diberikan kepada pelajar.

Pelajar akan diingatkan untuk menyerahkan disertasi/tesis yang telah dibuat pembetulan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan pelajar diberikan status gagal kerana tidak dapat menyerahkan disertasi/tesis yang dibuat pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan. Pengerusi seterusnya akan meminta Setiausaha Peperiksaan Lisan disertasi/tesis (Penolong Pendaftar) untuk menyerahkan laporan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam kepada pelajar untuk rujukan pembetulan disertasi/tesis. Setiausaha Peperiksaan Lisan perlu menyediakan minit

mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Lisan yang turut merangkumi catatan daripada Pengerusi. Pengerusi juga perlu mengisi Borang Penilaian Pemeriksa Luar dan diminta untuk memaklumkan tempoh maksimum kepada Pemeriksa dan keperluan menghantar pembetulan tesis secara serentak kepada Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar, sekiranya diperlukan.

Proses kerja Sesi Membuat Keputusan yang dinyatakan dalam perkara 4.2.4 dan Sesi Pengumuman Keputusan yang dinyatakan dalam perkara 4.2.5 diringkaskan seperti Rajah 4.4.



Rajah 4.4 Carta alir proses kerja Sesi Membuat Keputusan dan Sesi Pengumuman Keputusan peperiksaan lisan disertasi/tesis

4.4 Pembetulan dan pengesahan pembetulan Disertasi/Tesis oleh Pemeriksa Luar/Dalam

Pelajar hendaklah melakukan pembetulan di dalam tempoh yang ditetapkan dan mendapat perakuan dari Penyelia dan Pemeriksa (samada Luar/Dalam atau kedua-duanya) berdasarkan keputusan Jawatankuasa Penilaian Lisan.

Penyelia perlu bertanggungjawab menyelia, menilai dan mengesahkan pembetulan yang dilakukan oleh pelajar adalah menepati dengan senarai pembetulan yang diperincikan oleh Pemeriksa Luar, Pemeriksa Dalam dan sepetimana yang telah dipersetujui di dalam Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Disertasi/tesis yang telah dilakukan pembetulan perlu mendapat pengesahan dari Penyelia Utama/Pengerusi JK Penyeliaan sebelum diberikan kepada Pemeriksa Luar/Dalam. Penyelia digalakkan untuk membuat jadual tindakan bersama pelajar bagi memastikan pembetulan adalah mengikut komen dan cadangan yang diberikan dari laporan pemeriksaan disertasi/tesis dan penilaian lisan.

Sekiranya Penyelia Utama tidak dapat memberikan pengesahan pembetulan tesis di atas sebab-sebab tertentu, Penyelia Bersama/AJK Penyeliaan diberi tanggungjawab untuk melihat dan mengesahkan pembetulan pelajar. Bagi kes pelajar yang tidak mempunyai penyelia bersama atau penyelia yang mempunyai kekangan atau penyelia yang ketika itu mempunyai sangkutan di luar Universiti, Jabatan di mana pelajar tersebut mendaftar adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan pembetulan disertasi/tesis.

Sepanjang tempoh pembetulan, Pelajar dibenarkan untuk berjumpa dengan Pemeriksa Luar/Dalam tertakluk kepada budi bicara Pemeriksa. Namun begitu, pelajar diingatkan untuk tidak menganggu Pemeriksa dalam bentuk apa sekali pun termasuk melalui emel, telefon, mesej, pertemuan untuk mempercepatkan penilaian pembetulan, menggugurkan item pembetulan dan perkara-perkara yang tidak melibatkan pembetulan tesis pelajar. Pemeriksa Luar/Dalam berhak membuat aduan dan mengemukakan bukti kepada urus setia Fakulti/Institut sekiranya terdapat aktiviti yang dilakukan oleh pelajar yang boleh disifatkan sebagai gangguan samada emosi atau fizikal kepada Pemeriksa dan menggugat proses penilaian pembetulan yang telus dan berintegriti.

Sekiranya dalam waktu tempoh pembetulan, Pemeriksa tidak mahu memberi kerjasama kepada pelajar untuk urusan pembetulan disertasi/tesis, pelajar berhak membuat aduan dan mengemukakan bukti kepada urus setia Fakulti/Institut.

Pelajar hendaklah menyenaraikan perincian komen dari Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam dan pembetulannya, disemak dan disahkan oleh Penyelia dan diserahkan kepada Pemeriksa Luar/Dalam yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan sebagai pengesah pembetulan pelajar untuk pengesahan pembetulan.

Pelajar memberi pembetulan kepada Pemeriksa Dalam/Luar samada melalui salinan keras atau lembut dan disalinkan kepada Urus setia Fakulti/Institut untuk tujuan rekod. Pemeriksa Luar/Dalam yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan sebagai pengesah pembetulan pelajar diberikan masa mengikut Jadual 4.3 dari tarikh tesis dihantar oleh pelajar untuk menilai dan memberi laporan pengesahan pembetulan disertasi/tesis pelajar. Urus setia Siswazah Fakulti/Institut boleh mengeluarkan peringatan lembut seminggu sebelum tarikh tamat dan surat teguran sekiranya pengesahan pembetulan tidak dilakukan dalam masa yang telah ditetapkan.

Pemeriksa Luar/Dalam tidak dibenarkan menambah item pembetulan yang tidak dipersetujui di dalam Jawatankuasa Peperiksaan Lisan atau perkara yang dirasakan tidak munasabah dan tidak berkenaan dengan disertasi/tesis pelajar.

Jadual 4.3 Panduan tempoh maksimum semakan pembetulan oleh pemeriksa dan pihak bertanggungjawab menyemak serta memperakuan pembetulan yang telah dibuat oleh pelajar berdasarkan tempoh pembetulan yang telah diberikan ketika pengumuman peperiksaan lisan

| Perakuan | Tempoh Pembetulan (TP) | Tempoh maksimum semakan pembetulan Pemeriksa | Semakan/ Perakuan |
|---|---------------------------------------|---|---|
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah | TP ≤ 1 Bulan | 1 minggu | Semakan dan perakuan Penyelia sahaja |
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan minor (kategori 1) | 1 Bulan < TP ≤ 3 Bulan | ≤ 2 minggu | Semakan Penyelia dan perakuan Pemeriksa Dalam |
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan minor (kategori 2) | 3 Bulan < TP ≤ 6 Bulan | ≤ 3 minggu | Semakan Penyelia dan perakuan Pemeriksa Dalam |
| Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan major | 6 Bulan < TP ≤ 11 Bulan | 1 bulan | Semakan Penyelia dan perakuan Pemeriksa Luar atau Pemeriksa Dalam |

Pelajar diingatkan untuk mengambil kira tempoh pembetulan, pengesahan pembetulan oleh Penyelia dan semakan pembetulan disertasi/tesis oleh Pemeriksa Luar/Dalam adalah di dalam Tempoh Pembetulan yang ditetapkan dan diumumkan di Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Pelajar bertanggungjawab mengurus masa untuk melakukan pembetulan. Sekiranya disertasi/tesis yang diserahkan untuk pengesahan Pemeriksa Luar/Dalam mempunyai baki hari kurang dari Tempoh Semakan seperti Jadual 4.3 sebelum tarikh akhir Tempoh Pembetulan, pelajar digalakkan untuk memohon penambahan masa.

Sekiranya Pemeriksa masih tidak memberikan pengesahan pembetulan setelah tempoh pembetulan tamat, di mana pelajar telah menghantar pembetulan mengikut tempoh yang ditetapkan, dan surat teguran kepada Pemeriksa telah dikeluarkan oleh Urus setia Fakulti/Institut, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan bersidang semula dan mengesahkan pembetulan dalam masa sekurang-kurangnya dua minggu dari tarikh tamat.

4.5 Tambahan masa tempoh pembetulan

Peraturan 37(6) memberikan pertimbangan kepada pelajar untuk memohon tambahan masa tempoh pembetulan dari tempoh asal yang diberikan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan tertakluk kepada 3 bulan tambahan.

Pelajar hendaklah membuat permohonan secara bertulis dengan perakuan penyelia kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut sebelum tempoh maksimum pembetulan asal tamat. Pelajar hendaklah memberikan alasan beserta bukti, dan butir lengkap tahap pembetulan pelajar dengan perakuan penyelia bahawa pelajar telah melakukan pembetulan dan memerlukan tambahan masa di atas kekangan yang tidak dapat dielakkan.


Fakulti/Institut boleh memberikan kelulusan kepada permohonan pelajar untuk tambah masa mengikut tempoh yang dipohon, tidak melebihi 3 bulan maksimum dari tarikh penerimaan surat permohonan dari pelajar ke Fakulti/Institut.

Pelajar yang gagal menyerah disertasi/tesis dalam tempoh maksimum termasuk tempoh tambahan, adalah dianggap "Gagal dan Tidak Layak Dianugerahkan Ijazah". Fakulti/Institut dikehendaki membuat kronologi kejadian (beserta bukti) dari tarikh peperiksaan lisan untuk pengesahan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan sebelum dikemukakan kepada Senat.

4.6 Penyerahan disertasi/tesis

Setelah pembetulan pelajar diterima oleh Pemeriksa Luar/Dalam, Pelajar boleh menyerahkan disertasi/tesis yang telah ditambahbaik kepada Fakulti/Institut. Perakuan dalam borang Senarai Semak Urusan Penyerahan Tesis yang Telah Dibuat Pembetulan UKM/PPPS/C/P05/AK09/05 termasuk pengesahan dari Penyelia, Pemeriksa Luar/Dalam ditentusahkan oleh Urus setia Fakulti/Institut.

Pelajar hendaklah menyerahkan disertasi/tesis yang telah dibuat pembetulan kepada Fakulti/Institut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Walau sedemikian, pelajar boleh menyerahkan disertasi/tesis lebih awal dari waktu yang ditetapkan setelah mendapat pengesahan seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan. Pihak Fakulti/Institut bertanggungjawab untuk menyerahkan satu (1) salinan disertasi/tesis kepada pihak Perpustakaan Tun Seri Lanang.



*Tambah masa tempoh pembetulan daripada tempoh asal yang diberikan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan

**Pemeriksa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

Rajah 4.45 Carta alir proses kerja setelah selesai Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis

BAHAGIAN V

RAYUAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN LISAN

5.1 Pengenalan

Seorang pelajar yang mengikuti pengajian di bawah mod penyelidikan dan mod campuran (mod kerja kursus dan penyelidikan) boleh membuat rayuan terhadap keputusan penilaian peperiksaan lisan. Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan/Pengarah dalam tempoh empat (4) minggu selepas surat keputusan peperiksaan rasmi dikeluarkan.

Setiap rayuan hendaklah menyatakan alasan munasabah untuk semakan semula beserta bayaran pemprosesan yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Bagi kes ini, rayuan hanya boleh dibuat untuk kes gagal peperiksaan lisan sahaja.

Setiap keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

5.2 PELANTIKAN JAWATANKUASA SEMAKAN RAYUAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN LISAN TESIS/ DISERTASI

5.2.1 Menubuhkan Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Tesis/ Disertasi

Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis hendaklah bersifat bebas dan dilantik oleh Dekan Fakulti/Pengarah Institut. Menurut subperaturan 49(5) Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021, Jawatankuasa ini terdiri daripada:

- a) Seorang (1) Profesor sebagai Pengurus;
- b) Dua (2) orang Profesor atau Profesor Madya dalam bidang berkaitan;
- c) Dua (2) orang ahli lain bertaraf Profesor atau Profesor Madya; dan
- d) Penolong Pendaftar Fakulti/Institut sebagai urus setia.

Nota - Jawatankuasa boleh menjemput Pengurus Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis atau wakilnya untuk turut hadir bagi mendapatkan latar belakang keputusan peperiksaan lisan pelajar.

5.2.2 Sesi Membuat Keputusan


Jawatankuasa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis perlu berbincang dan membuat keputusan sama ada:

- a) menolak rayuan; atau

- b) menerima rayuan dan mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Khas Peperiksaan Lisan yang baharu untuk penilaian semula Disertasi/Tesis pelajar.

Keputusan Jawatankuasa ini perlu disahkan di peringkat Fakulti/Institut sebelum dibawa ke Senat. Selepas kelulusan Senat diperoleh, pihak Fakulti/Institut perlu memaklumkan kepada pelajar mengenai keputusan rayuan tersebut. Setiap keputusan yang dibuat oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

Carta alir proses rayuan semak semula keputusan peperiksaan lisan adalah seperti dalam Rajah 5.1.



Rajah 5.1 Carta alir proses rayuan semak semula keputusan peperiksaan lisan

BAHAGIAN VI

PENGENDALIAN ADUAN KES PLAGIARISME

6.1 Pengenalan

Universiti menetapkan bahawa plagiarisme adalah kes kesalahan tatatertib dan pelanggaran etika akademik yang serius dan menjelaskan integriti Universiti. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009 – Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2011 bertarikh 2 Jun 2011. Secara umum, takrifan plagiarisme adalah seperti termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009 – Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM. Secara khusus larangan memplagiat telah digariskan untuk pelajar UKM yang termaktub dalam dokumen Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009 – Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

6.2 Prosedur Berurusani Dengan Kes Plagiarisme

Dalam kes di mana tesis pelajar disyaki ada unsur plagiarisme atau dikesan mengandungi unsur plagiarisme, maka tindakan berikut adalah diperlukan:

- (a) Pemeriksa atau orang yang mengesyaki perlu menyertakan bukti bahawa pelajar telah memplagiat, atau disyaki memplagiat.
- (b) Satu laporan bertulis yang memperincikan buktinya mestilah disampaikan kepada Dekan/Pengarah menggunakan Borang Aduan Plagiarisme bagi Siswazah (Lampiran B).
- (c) Peperiksaan Lisan pelajar ditangguhkan sehingga keputusan kes diperoleh secara rasmi.

6.2.1 Penubuhan Jawatankuasa Siasatan

Jawatankuasa Siasatan hendaklah bersifat bebas dan dilantik oleh Dekan Fakulti/Pengarah Institut. Keahlian Jawatankuasa Siasatan adalah seperti berikut:

- a) Seorang Profesor atau Profesor Madya sebagai Pengerusi;
- b) Dekan/Pengarah atau wakilnya;
- c) Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya;
- d) Pensyarah di Fakulti/Institut dalam bidang berkaitan; dan
- e) Penolong Pendaftar Fakulti/Institut sebagai urus setia.

6.2.2 Penentuan Plagiarisme

- a) Jawatankuasa Siasatan hendaklah meneliti aduan dan menyediakan laporan tahap plagiarisme sekiranya berlaku salah laku plagiarisme.

- b) Tahap plagiarisme adalah seperti berikut:
- (i) **Hampir semua/keseluruhan kerja ditiru/diolah** daripada sumber yang lain (termasuk dari kerja pelajar itu sendiri) atau kerja adalah hasil daripada pihak lain (dengan atau tanpa bayaran/dengan atau tanpa kebenaran).
 - (ii) **Sebahagian/Separuuh kerja disalin daripada sumber yang lain** (termasuk daripada kerja pelajar itu sendiri) atau dihasilkan oleh pihak lain (dengan atau tanpa bayaran/dengan atau tanpa kebenaran). Sebahagian kerja itu disalin/diringkaskan/diolah daripada sumber yang lain tanpa memberi rujukan yang betul.
 - (iii) **Sebahagian kecil/minor** (misalnya beberapa ayat) disalin/ diolah, rujukan tidak tepat dan tidak dinyatakan dengan jelas.
- c) Jawatankuasa Siasatan boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri dan mekanisme penentuan plagiarisme termasuklah dengan bantuan apa-apa perisian berkaitan.
- d) Jawatankuasa Siasatan boleh menjemput pelajar yang diadu untuk hadir bagi memberi penjelasan dan keterangan. Jawatankuasa hendaklah menjelaskan kepada pelajar tersebut tentang implikasi keterangannya termasuklah dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib Pelajar sekiranya didapati berlaku salah laku plagiarisme.

6.2.3 Sesi Membuat Keputusan dan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar


- a) Sekiranya Jawatankuasa Siasatan mendapati pelajar yang diadu melakukan salah laku plagiarisme sebahagian kecil/minor seperti dalam perkara 6.2.2. b(iii), maka pelajar hendaklah diberi amaran, peperiksaan lisan ditangguhkan dan pelajar dikehendaki menghantar semula disertasi/tesis setelah penambahan dibuat;
- b) Sekiranya Jawatankuasa Siasatan mendapati pelajar yang diadu melakukan salah laku plagiarisme yang lebih serius seperti dalam perkara 6.2.2. b(i) dan b(ii), maka tindakan yang berikut perlu dilaksanakan:
 - (i) Pihak Fakulti/Institut hendaklah memulakan prosiding tatatertib ke atas pelajar itu menurut Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib pelajar-pelajar) yang berkuat kuasa.
 - (ii) Keahlian Jawatankuasa Tatatertib Pelajar adalah seperti berikut:
 - (a) Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebagai Pengerusi; dan
 - (b) 2 ahli dari wakil Senat
 - (iii) Pengerusi Jawatankuasa Siasatan boleh dipanggil sebagai saksi untuk memberi keterangan.

- (iv) Pelajar yang dituduh hendaklah diberikan hak sewajarnya sebagaimana di bawah Seksyen 16B Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) yang berkuat kuasa.
- (v) Sekiranya pelajar didapati bersalah:
 - (a) Jawatankuasa Tatatertib boleh menjatuhkan hukuman di bawah Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) yang berkuat kuasa; dan
 - (b) Tertakluk pada kelulusan Senat, pelajar boleh diminta menghantar semula disertasi/tesis setelah penambahbaikan menyeluruh dibuat, kecuali bagi kes di mana disertasi/tesis itu telah direkodkan sebagai gagal dan dipecat dari Universiti.
- (vi) Sekiranya Jawatankuasa Tatatertib mendapati pelajar tidak melakukan salah laku plagiarisme:
 - (a) Proses peperiksaan lisan dijalankan seperti biasa; dan
 - (b) Sekiranya aduan dibuat oleh pemeriksa luar atau pemeriksa dalam, maka Fakulti/Institut hendaklah menentukan sama ada pemeriksa luar atau pemeriksa dalam yang baharu perlu dilantik untuk menilai semula tesis pelajar.
- (vii) Mana-mana pelajar yang di bawah perkara 6.2.3 (v) di atas, boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar Universiti dalam tempoh masa dan tatacara yang telah ditetapkan.

6.2.4 Bahan Bukti dan Nota Bertulis Mengenai Prosiding

Urus setia Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menyimpan bahan bukti dan nota bertulis prosiding tatatertib mengikut Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) yang berkuat kuasa.

Carta alir pengendalian aduan kes plagiarisme adalah seperti Rajah 6.1.



Rajah 6.1 Carta alir pengendalian aduan kes plagiarisme

LAMPIRAN A**Syarat Pelantikan Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam berdasarkan Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021****Pemeriksa Luar**

38. (1) Pemeriksa Luar bagi pelajar program Sarjana, mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada staf akademik yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian pelajar dan pemeriksa itu sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan seperti yang berikut:

- (a) memiliki Ijazah Kedoktoran; dan
- (b) telah menghasilkan graduan sarjana; dan
- (c) mempunyai tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran; dan
- (d) menunjukkan kecemerlangan akademik.

(2) Pemeriksa Luar bagi pelajar program kedoktoran, mod pengajian di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada staf akademik yang dilantik oleh Senat untuk menilai pencapaian pelajar dan pemeriksa itu sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan seperti yang berikut:

- (a) seorang Profesor Madya; dan
- (b) memiliki Ijazah Kedoktoran; dan
- (c) telah menghasilkan graduan Doktor Falsafah; dan
- (d) mempunyai lima (5) tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran; dan
- (e) menunjukkan kecemerlangan akademik.

(3) Pemeriksa Luar bagi pelajar program sarjana klinikal atau kedoktoran klinikal adalah dilantik oleh Fakulti/Institut dan telah diiktiraf sebagai 'doktor pakar' dalam bidang berkaitan terdiri daripada staf akademik atau pakar bidang yang dilantik oleh mana-mana Senat daripada universiti lain atau institusi lain dan diperakukan oleh Senat.

(4) Pakar bidang daripada industri/institusi lain yang akan dilantik sebagai Pemeriksa Luar hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Sarjana atau lapan (8) tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Kedoktoran.

(5) Pencalonan pemeriksa luar boleh dilakukan bermula semester tiga (3) bagi program sarjana atau semester lima (5) bagi program kedoktoran.

(6) Pemeriksa Luar yang dilantik hendaklah tidak mempunyai apa-apa hubungan dan/atau kepentingan dengan pelajar.

Pemeriksa Dalam

39. (1) Pemeriksa Dalam bagi pelajar program Sarjana dan Kedoktoran, di bawah subperaturan 6(a) dan 6(c) hendaklah terdiri daripada staf akademik dari Universiti dan dilantik oleh Dekan/Pengarah untuk menilai pencapaian pelajar seperti berikut:

(a) Bagi pelajar program sarjana, Pemeriksa Dalam hendaklah sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.

(b) Bagi pelajar program kedoktoran, Pemeriksa Dalam hendaklah sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Kedoktoran atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.

(2) Pemeriksa Dalam bagi pelajar program sarjana dan kedoktoran di bawah subperaturan 6(d) hendaklah dilantik mengikut bidang kepakaran dan diiktiraf sebagai 'doktor pakar' dalam bidang berkaitan oleh Dekan/Pengarah.

(3) Pencalonan Pemeriksa Dalam boleh dilakukan bermula semester tiga (3) bagi program sarjana atau semester lima (5) bagi program kedoktoran.

(4) Pemeriksa Dalam yang dilantik hendaklah tidak mempunyai apa-apa hubungan dan/atau kepentingan dengan pelajar.

LAMPIRAN B**BORANG ADUAN PLAGIARISME****BAHAGIAN A:**

(Perincian tentang individu yang dituduh dan butiran aduan)

| | |
|-------------------|-------------------------|
| NAMA | |
| NO.MATRIK | |
| PROGRAM | SARJANA/DOKTOR FALSAFAH |
| PUSAT | |
| PENGAJIAN/JABATAN | |
| FAKULTI/INSTITUT | |
| NO.TELEFON/E-MEL | |
| KATEGORI ADUAN | |

Perincian Aduan:

| |
|--|
| |
|--|

Kandungan Kesalahan:

| Bab/Halaman | Sumber Plagiarisme | Bentuk Plagiarisme (contoh; seluruh ayat/perenggan) |
|-------------|--------------------|---|
| | | |
| | | |

BAHAGIAN B:

(Butiran Pengadu yang membuat aduan)

| | |
|------------------|--|
| NAMA | |
| NO. KP/PASPORT | |
| NO.TELEFON/E-MEL | |

Perakuan:

Adakah anda mahu dilindungi di bawah Akta Pemberi Maklumat?

YA

TIDAK

Segala maklumat yang telah saya kemukakan adalah berdasarkan bukti/sumber yang telah dinyatakan.

Tandatangan


TARIKH:

| |
|--------------------------------------|
| UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA |
|--------------------------------------|

Aduan telah diterima pada _____ oleh _____
(tarikh terima aduan) (Nama Penerima aduan)

Tandatangan:

Cop Fakulti/Institut:



Rujukan

- [1] Surat pekeliling Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa) Universiti Kebangsaan Malaysia, rujukan UKM3.2/12/266/2 bertarikh 30 Mei 2011
- [2] Mesyuarat Senat ke 422 bertarikh 25 Mei 2016
- [3] Objektif Kualiti SPK MS ISO 9001:2008 PPPS, no 13.
- [4] Mesyuarat Jawatankuasa Induk SPK MS ISO 9001:2008 PPPS Bil.6/2012 bertarikh 14 September 2012
- [5] Mesyuarat Senat Ke-436, bertarikh 21 Ogos 2017.

Jawatankuasa Semakan Semula
Garis Panduan Pengendalian Peperiksaan Lisan Disertasi/Tesis 2021

Pengerusi

Prof. Dr. Sarani Zakaria

Ahli Jawatankuasa

Prof. Dr. Aisyah Abdul Rahman
Prof. Ir. Dr. Jaharah A. Ghani
Prof. Dr. Zarina Abdul Latiff
Prof. Ir. Dr. Mardina Abdullah
Prof. Madya Dr. Abdul Munir Abd. Murad
Prof. Madya Dr. Wan Hanna Melini Wan Mohtar
Prof. Madya Dr. Ermy Azziaty Rozali
Prof. Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah
Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib
Prof. Madya Dr. Mohd Aladib Samuri
Prof. Madya Dr. Rozainee Khairudin
Prof. Madya Dr. Saiful Arif Abdullah
Dr. Hanim Kamruddin
Puan Rohana Tan
Cik Suhaida Abd Rahman
Puan Latifah Kasmuri
Puan Norazlin Hassim
Puan Siti Salwa Ahmad Zur

Unit Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah

Pusat Siswazah

Puan Rafidah Hassan